

**IDENTITI DAN *SOCIETAL SECURITY* DI MALAYSIA:
KAJIAN KES KE ATAS RESPON DAN TINDAKAN
MASYARAKAT MELAYU-MUSLIM TERHADAP ISU
KALIMAH ALLAH**

DGKU SITI NORAINI BINTI PG ALLI RAHMAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2020

**IDENTITI DAN *SOCIETAL SECURITY* DI MALAYSIA:
KAJIAN KES KE ATAS RESPON DAN TINDAKAN
MASYARAKAT MELAYU-MUSLIM TERHADAP ISU
KALIMAH ALLAH**

DGKU SITI NORAINI BINTI PG ALLI RAHMAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA**

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2020

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **IDENTITI DAN SOCIETAL SECURITY DI MALAYSIA: KAJIAN KES KE ATAS RESPON DAN TINDAKAN MASYARAKAT MELAYU-MUSLIM TERHADAP ISU KALIMAH ALLAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **HUBUNGAN ANTARABANGSA**

Saya **DGKU SITI NORAINI BINTI PG ALLI RAHMAN**, Sesi **2014-2020**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

 ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



**DGKU SITI NORAINI BINTI PG
ALLI RAHMAN
MA1411017T**

Tarikh : 21 Januari 2021



(Dr. Ramli Dollah)
Penyelia Utama

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

Tarikh

18 November 2020



A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Siti', is written over a horizontal line.

Dgku Siti Noraini Binti Pg Ali Rahman

MA1411017T

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **DGKU SITI NORANI BINTI PG ALLI RAHMAN**

NO MATRIK : **MA1411017T**

TAJUK : **IDENTITI DAN *SOCIETAL SECURITY* DI MALAYSIA:
KAJIAN KES KE ATAS RESPON DAN TINDAKAN
MASYARAKAT MELAYU-MUSLIM TERHADAP ISU KALIMAH
ALLAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **HUBUNGAN ANTARABANGSA**

TARIKH VIVA : **18 NOVEMBER 2020**



UMS
DISAHKAN OLEH;
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. PENYELIA UTAMA

Dr. Ramli Bin Dollah

Tandatangan

Ramli

2. PENYELIA BERSAMA

Pn. Diana Peter

Diana

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T. Limpah rahmat, kasih sayang dan dengan kurniaan Allah S.W.T., maka kajian dan penulisan tesis ini dapat dilengkapkan. Tiada daya upaya melainkan dengan pertolongan-Nya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada KPM, Bahagian Tajaan dan Universiti Malaysia Sabah kerana telah memberikan peluang untuk saya melanjutkan pelajaran pada peringkat Ijazah Sarjana. Terima Kasih juga untuk Penyelia saya Dr. Ramli Bin Dollah dan Puan Diana Peter di atas bimbingan sepanjang saya menghasilkan penulisan ini. Seterusnya, terima kasih kepada kedua ibu bapa saya kerana sentiasa menyokong dan memberi semangat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana.

Dgku Siti Noraini Binti Pg Alli Rahman

18 November 2020



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini menggunakan konsep keselamatan *societal* dalam memahami persaingan yang berlaku di antara masyarakat beragama Islam dan Kristian mengenai perkataan Allah. Kajian mengenai isu yang melibatkan isu keselamatan sememangnya telah banyak dikaji oleh para sarjana tempatan mahupun antarabangsa, namun, kajian tersebut di dominasi oleh kajian keselamatan yang bersifat tradisional. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana sebuah isu yang berkaitan isu masyarakat boleh menghasilkan satu bentuk ancaman terhadap sesebuah masyarakat yang lain. Untuk tujuan itu, dengan menggunakan konsep keselamatan *societal* maka fenomena isu kalimah Allah yang melibatkan masyarakat Islam dan Kristian di Semenanjung Malaysia mampu diperjelaskan bagaimana ianya mampu mencetus keselamatan *societal*. Kajian ini juga dijalankan demi mencapai beberapa objektif antaranya untuk mengenal pasti kepentingan konsep keselamatan *societal* dalam disiplin kajian keselamatan; untuk mengkaji dan melihat konsep dilema keselamatan *societal* dan pengoperasiannya dalam isu kalimah Allah di Malaysia; untuk melihat respon aktor-aktor Melayu Islam dalam isu kalimah Allah dan untuk melihat tindakan yang diambil oleh pihak Melayu-Muslim bagi mempertahankan identiti mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggabungkan beberapa metode penyelidikan seperti analisis teks, analisis dokumen (seperti laporan kerajaan dan akhbar-akhbar utama), dan temu bual. Dapatan utama kajian ini menunjukkan bahawa keselamatan tidak hanya melibatkan isu ketenteraan semata-mata, tetapi isu berkait dengan identiti juga merupakan isu yang boleh di angkat menjadi isu keselamatan. Oleh itu, dengan menggunakan isu kalimah Allah yang berlaku di antara masyarakat Islam dan Kristian, kajian ini berjaya menunjukkan bagaimana konsep keselamatan *societal* mampu menjelaskan bagaimana sesuatu isu itu boleh di label sebagai isu keselamatan di Malaysia.

ABSTRACT

IDENTITY AND SOCIETAL SECURITY IN MALAYSIA: CASE STUDY ON MALAY-MUSLIM SOCIETY RESPONs AND ACTION TOWARD THE WORD OF ALLAH ISSUES

This study utilizes societal security concept in understanding the competition that exists between the Muslim and Christian communities regarding the word of 'Allah'. This studies are related to security issues that has been extensively studied by local and international scholars, but they are dominated by traditional security studies. Therefore, this study aims to understand how a issue related to society can create a form of threat to another society. Therefore, by using the concept of societal security, the phenomenon of the word of 'Allah' involving Muslim and Christian communities in Peninsular Malaysia can be explain and how it can cause societal security dilemmas. The study was also conducted to achieve a number of objectives including identifying the importance of societal security concepts in the discipline of security studies; to study and see the concept of societal security and their application to the issue of the word of Allah in Malaysia; to see the responses of Malay Muslims and Christians actors in the Allah issue and to look at the actions taken by Malay Muslims sides to defend their identity. This study uses a qualitative approach by incorporating several research methods such as text analysis, document analysis (such as government reports and major newspapers), and interviews. The main findings of this study indicate that the issue of the word of 'Allah' prevailing among the Muslim and Christian societies underscores the importance of societal security concept that also found that this issue does not involve mere political issues. Therefore, by applying this concept to the issue of the word of Allah, this study managed to show how the societal security can explained that some issues can be label as security issue in Malaysia.

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

| | |
|--------------------------|-------------|
| TAJUK | i |
| PENGAKUAN | ii |
| PENGESAHAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | ix |
| <i>ABSTRACT</i> | x |
| ISI KANDUNGAN | v |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xii |
| SENARAI FOTO | xiii |
| SENARAI SINGKATAN | xiv |

| | | |
|--------------|---|----------------|
| BAB 1 | PENDAHULUAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN | Halaman |
| 1.0 | Pengenalan | 1 |
| 1.1 | Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.2 | Sorotan Literatur | 7 |
| 1.3 | Permasalahan Kajian | 19 |
| 1.4 | Persoalan Kajian | 22 |
| 1.5 | Objektif Kajian | 22 |
| 1.6 | Pendekatan Teori Dan Konsep (<i>Keselamatan societal</i>) | 22 |
| 1.7 | Metodologi Kajian | 24 |
| 1.8 | Skop Kajian | 25 |
| 1.9 | Limitasi Kajian | 26 |
| 1.10 | Pembahagian Bab | 26 |

| BAB 2 | DINAMIKA KAJIAN KESELAMATAN DAN KONSEP <i>SOCIETAL SECURITY</i> | Halaman |
|--------------|--|----------------|
| 2.0 | Pengenalan | 29 |
| 2.1 | Aliran Neo Realisme | 30 |
| 2.2 | Aliran Liberalisme | 32 |
| 2.3 | Aliran Konstruktivisme | 34 |
| 2.4 | Konsep Keselamatan dan Definisi Keselamatan | 36 |
| 2.5 | Debat Keselamatan Semasa Perang Dingin (1945-1990) | 41 |
| 2.6 | Debat Keselamatan Pasca Perang Dingin (1990- kini) | 44 |
| 2.6.1 | Kem <i>Wideners</i> Dalam kajian Keselamatan | 48 |
| 2.6.2 | Kem <i>Deepeners</i> Dalam kajian Keselamatan | 54 |
| 2.7 | Keselamatan <i>Societal (Societal Security)</i> | 58 |
| 2.7.1 | Identiti Dan Keselamatan <i>Societal</i> | 64 |
| 2.7.2 | Ancaman Keselamatan <i>Societal</i> | 67 |
| 2.8 | Dilema Keselamatan <i>Societal</i> | 74 |
| 2.9 | Sumbangan Pendekatan Keselamatan <i>Societal</i> | 78 |
| 2.10 | Kesimpulan | 82 |
| | | |
| BAB 3 | LATAR BELAKANG ISU KALIMAH ALLAH | Halaman |
| 3.0 | Pengenalan | 83 |
| 3.1 | Latar belakang etnik di Malaysia | 84 |
| 3.2 | Latar Belakang dan kronologi Isu Kalimah Allah | 87 |
| 3.2.1 | Sebelum berlakunya Isu kalimah Allah | 89 |
| 3.2.2 | Latar belakang Kontroversi Isu Kalimah Allah | 91 |
| 3.2.2.1 | Tuntutan Pihak Kristian terhadap kalimah "Allah" | 93 |
| 3.2.2.2 | Kemuncak perjuangan masyarakat Islam | 98 |
| 3.3 | Pandangan pihak Islam terhadap kalimah "Allah" | 101 |
| 3.4 | Isu Kalimah Allah sebagai ancaman identiti | 104 |
| 3.5 | Dilema <i>societal security</i> masyarakat Kristian terhadap | 110 |

| | | |
|--------------|--|----------------|
| | bantahan masyarakat Islam dalam Isu kalimah Allah | |
| 3.6 | Kesimpulan | 117 |
| BAB 4 | RESPON MASYARAKAT ISLAM DAN PENGANUT KRISTIAN DALAM MENGHADAPI ISU KALIMAH ALLAH | Halaman |
| 4.0 | Pengenalan | 119 |
| 4.1 | Peranan Aktor dalam isu kalimah Allah | 120 |
| 4.2 | Respon masyarakat Islam terhadap isu kalimah Allah | 121 |
| 4.2.1 | Respon aktor atau individu dalam isu kalimah Allah | 122 |
| 4.2.2 | Respon ahli Agamawan | 133 |
| 4.2.3 | Respon Kumpulan Badan Bukan kerajaan (NGO) | 138 |
| 4.3 | Respons Pihak Pentadbir negara terhadap isu kalimah Allah | 145 |
| 4.4 | Kesimpulan | 149 |
| BAB 5 | TINDAKAN MASYARAKAT ISLAM DALAM MEMPERTAHANKAN IDENTITI TERHADAP ISU KALIMAH ALLAH | Halaman |
| 5.0 | Pengenalan | 151 |
| 5.1 | Tindakan Kerajaan dalam menyelesaikan isu kalimah Allah | 152 |
| 5.1.1 | Tindakan undang-undang | 153 |
| 5.1.2 | Serbuan dan sitaan <i>Bible</i> Bahasa Malaysia oleh JAIS | 156 |
| 5.1.3 | Tuntutan Penyelesaian Pelan 10 Perkara | 158 |
| 5.2 | Demonstrasi kumpulan Badan bukan kerajaan (NGO) terhadap masyarakat Kristian dalam isu kalimah Allah | 161 |
| 5.3 | Laporan polis terhadap kenyataan-kenyataan | 167 |

| | | |
|----------------|--|----------------|
| | berbaur sensitiviti agama | |
| 5.4 | Memorandum kepada Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-raja | 172 |
| 5.5 | Pembakaran dan pengeboman Gereja di Semenanjung Malaysia | 175 |
| 5.6 | Kesimpulan | 176 |
| BAB 6 | RUMUSAN/KESIMPULAN | Halaman |
| 6.0 | Pengenalan | 178 |
| 6.1 | Dapatan Kajian | 179 |
| 6.1.1 | Kepentingan konsep <i>societal security</i> dalam disiplin kajian keselamatan | 180 |
| 6.1.2 | Pengoperasian konsep keselamatan <i>societal</i> dalam isu kalimah Allah | 182 |
| 6.1.3 | Respon aktor-aktor Islam dan Kristian dalam isu kalimah Allah | 184 |
| 6.1.4 | Tindakan mempertahankan identiti masyarakat masing-masing | 188 |
| 6.2 | Potensi kajian lanjut | 191 |
| 6.3 | Kesimpulan | 192 |
| RUJUKAN | | 193 |

SENARAI JADUAL

| | | Halaman |
|------------|---|----------------|
| Jadual 1.0 | Anggaran jumlah penganut agama di Malaysia tahun 2010 | 85 |
| Jadual 2.0 | Kronologi Isu Kalimah Allah | 88 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH


| | | Halaman |
|-----------|--------------------------|----------------|
| Rajah 1.0 | <i>Aliran Broadening</i> | 49 |
| Rajah 2.0 | <i>Level Of Analysis</i> | 57 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

| | | Halaman |
|----------|--|----------------|
| Foto 1.0 | Demonstrasi NGO Perkasa bagi mempertahankan isu kalimah Allah | 163 |
| Foto 2.0 | Demonstrasi kumpulan NGO Islam membantah penggunaan kalimah Allah dalam The Herald | 165 |
| Foto 3.0 | Serbuan dan Demonstrasi Pertubuhan (NGO) di hadapan pejabat DAP Perak Ipoh, Perak 2014 | 169 |
| Foto 4.0 | PERKASA membuat laporan Polis ke atas Lim Guan Eng | 170 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---------------|---|---|
| ABIM | - | Angkatan Belia Malaysia |
| BN | - | Barisan Nasional |
| CFM | - | Christian Federation Malaysia |
| DAP | - | Democratic Action Party |
| ELCA | - | Evangelical Lutheran Church In Malaysia |
| IKIM | - | Institut Kemahiran Islam Malaysia |
| ISMA | - | Ikatan Muslimin Malaysia |
| IRIMM | - | Ikatan Rakyat Insan Muslim Malaysia |
| JAIS | - | Jabatan Agama Islam Selangor |
| JATI | - | Jalur Tiga |
| KDN | - | Kementerian Dalam Negeri |
| MACMA | - | Malaysia Chinese Muslim Association |
| MJMM | - | Martabat Jalinan Muhibah Malaysia |
| NGO | - | Non Governmental Organization |
| MAKSUM | - | Persatuan Masyarakat Sejahtera Harmoni Kuala Muda |
| PBB | - | Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu |
| PBM | - | Bible Society Of Malaysia |
| PBTM | - | Persatuan Bekas Tentera Malaysia |
| PDRM | - | Polis Diraja Malaysia |
| PEKIDA | - | Pertubuhan Kebajikan Dan Dakwah Islamiah |

- PERKASA** - Pertubuhan Pribumi Perkasa
- PKPIM** - Persatuan Kebangsaan Pelayar Islam Malaysia
- SIB** - Sidang Injil Borneo
- SUHAKAM** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
- UKM** - Universiti Kebangsaan Malaysia
- TERAS** - Teras Pengupayaan Melayu



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan

Kajian mengenai keselamatan mula menunjukkan perubahan semenjak era tahun 1980-an dan 1990-an. Semasa era Perang Dingin (1945-1990), kajian keselamatan lebih banyak memfokuskan isu keselamatan yang berkait dengan kepentingan negara meliputi isu ketenteraan dan juga isu politik yang dikenali sebagai keselamatan tradisional (Buzan, 1991). Justeru itu, keselamatan nasional adalah berkaitan dengan kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan autonomi politiknya (Ramli & Kamarulnizam, 2014). Walaupun berakhirnya era Perang Dingin, yang ditandakan dengan keruntuhan Tembok Berlin dan kejatuhan empayar Soviet pada tahun 1990-an menyebabkan berlaku perubahan yang ketara di dalam kajian keselamatan. Era pasca Perang Dingin menyaksikan keselamatan turut ditumpukan kepada ancaman selain ketenteraan seperti politik, ekonomi dan alam sekitar (Ramli & Kamarulnizam, 2014).

Selepas tamatnya era Perang Dingin ancaman tidak hanya tertumpu semata-mata kepada negara, namun juga terhadap objek-objek rujukan yang lain seperti manusia, dunia, masyarakat, negara dan sebagainya (Nor Azizan Idris, 2012). Kajian keselamatan juga tidak hanya tertumpu kepada isu keselamatan tradisional malahan, isu keselamatan bukan tradisional menjadi aspek penting dalam membincangkan apa-apa isu yang berkaitan dengan isu keselamatan negara. Hal ini termasuklah isu yang melibatkan pemerdagangan manusia, imigrasi haram, penyakit berjangkit, bencana alam dan sebagainya.

Salah satu daripada konsep ini adalah melalui kemunculan idea keselamatan masyarakat (*societal*). Konsep keselamatan *societal* mula diterokai selepas tamatnya Perang Dingin yang mana konsep *Societal security* merujuk kepada usaha masyarakat untuk meneruskan kelangsungan identiti mereka sebagai sebuah masyarakat (Waeber, 1993; Roe, 2005) Justeru itu, apabila merujuk kepada keselamatan *societal*, masyarakat boleh terancam dengan wujudnya ancaman-ancaman yang mampu menggugat kelangsungan identiti mereka. Sebagai contoh, *societal* boleh terancam melalui aktiviti pembersihan etnik, pembersihan adat, penindasan terhadap etnik minoriti, dan sebagainya. Selanjutnya, kumpulan yang mengelar diri mereka sebagai "*deepeners*" melihat objek rujukan (*referent object*) utama yang mana keselamatan tidak hanya dimiliki oleh negara tetapi juga oleh sektor-sektor yang lain (Booth, 2007). Dalam kajian ini, penulis akan menggunakan konsep *societal security* untuk membincangkan isu berkaitan tuntutan penggunaan kalimah Allah yang berlaku di antara masyarakat Islam dan Kristian di Malaysia.

Isu kalimah Allah di Malaysia mula timbul pada tahun 2009 apabila berlaku persaingan di antara masyarakat beragama Islam dan juga masyarakat beragama Kristian mengenai penggunaan kalimah Allah. Penterjemahan kitab *Bible* yang menggunakan kalimah Allah oleh penganut agama Kristian telah menimbulkan kemarahan kepada masyarakat yang beragama Islam di Malaysia. Penggunaan kalimah Allah oleh masyarakat beragama Kristian dilihat sebagai satu bentuk ancaman yang dirasakan mampu menimbulkan ancaman kepada kelangsungan masyarakat Melayu Islam di Malaysia. Hal ini kerana, masyarakat yang beragama Islam berpendapat bahawa kalimah Allah merupakan hak eksklusif orang Melayu Islam. Justeru itu, penggunaan kalimah Allah oleh masyarakat bukan Islam dianggap sebagai tindakan yang mencabar dan menggugat kedudukan identiti masyarakat Melayu Islam di negara ini (Ibrahim Ali, 2016).

Masyarakat Islam melihat isu ini sebagai salah satu bentuk ancaman keselamatan identiti yang mana mampu menggugat kepada kepentingan dan dominasi masyarakat Melayu Islam di Malaysia. Begitu juga dengan masyarakat yang beragama

Kristian, larangan penggunaan kalimah Allah yang ditujukan buat mereka telah menjejaskan amalan keagamaan mereka, malahan ianya seumpama melanggar hak kebebasan beragama di Malaysia seperti yang termaktud dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 11. Oleh itu, dengan menggunakan konsep Keselamatan *Societal* (*Societal Security*), pengkaji berharap dapat menjelaskan persaingan yang berlaku di antara masyarakat Melayu Islam dan Kristian untuk mendapatkan hak eksklusif ke atas penggunaan Isu Kalimah Allah. Penggunaan konsep ini diaplikasikan untuk menjelaskan fenomena-fenomena keselamatan yang mana tidak melibatkan isu keselamatan negara semata-mata. Malahan, konsep ini memperlihatkan bagaimana berlakunya perkembangan konsep kajian keselamatan selepas berakhirnya pasca era Perang Dingin. Selain itu, kajian ini juga akan memfokuskan bagaimana identiti boleh menimbulkan satu bentuk ancaman keselamatan kepada masyarakat dan identiti digunakan sebagai satu aspek yang penting untuk dilindungi. Hal ini kerana, identiti merupakan aspek yang paling penting untuk dilindungi oleh sesebuah masyarakat demi memastikan kelangsungan mereka sebagai sebuah masyarakat kolektif. Selain itu juga, kajian ini turut akan memperlihatkan bagaimana sesuatu bentuk ancaman mampu menyebabkan kelangsungan sesebuah masyarakat terganggu (Roe, 2005).

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam kajian keselamatan antarabangsa, terutamanya semasa era Perang Dingin (1947-1991), pendekatan Realis dilihat sebagai perspektif yang paling dominan dalam menjelaskan fenomena keselamatan pada masa tersebut (Baldwin, 1995). Hal ini adalah kerana, menurut pandangan Realis aktor yang paling penting dalam sistem antarabangsa adalah negara dan motif utamanya iaitu untuk melindungi kedaulatannya (Baldwin, 1995). Oleh itu, negara bertanggungjawab untuk melindungi keselamatannya sendiri. Walau bagaimanapun semenjak berakhirnya era Perang Dingin, terdapat kecenderungan untuk menilai semula kajian keselamatan yang mana wujud dua kumpulan utama yang cuba membincangkan mengenai isu keselamatan. Kumpulan pertama iaitu *widener* atau *broadener* melihat kepada bentuk-bentuk ancaman yang berlaku di peringkat di antarabangsa tidak hanya tertumpu kepada sektor ketenteraan

tetapi juga melihat elemen-elemen lain seperti ekonomi, politik, *societal*, dan alam sekitar. Dalam kajian keselamatan Aliran ini juga dikenali sebagai *broadening* (Buzan, 1991; Baldwin, 1995; Krause dan Williams, 1997). Namun, pada penghujung era perang dingin para pengkaji keselamatan telah mula melihat ancaman-ancaman yang wujud selain daripada ancaman bersifat tradisional. Perspektif ini dikenali sebagai aliran *deepening* (Booth, 1991; Wyn Jones, 1999; dan Peterson, 1992). Kumpulan *deepeners* melihat bahawa objek rujukan perlu diubah daripada negara kepada objek-objek rujukan seperti ekonomi, alam sekitar, *societal* yang mana tidak hanya berdasarkan ancaman dari ketenteraan seperti yang dinyatakan dalam keselamatan tradisional. Hal ini juga disebabkan perubahan masa dan proses globalisasi yang berlaku seiringan dengan perubahan jenis ancaman yang mampu memberi ancaman kepada objek rujukan.

Pada era Perang Dingin, aliran *broadening* melihat *reference object* lebih merujuk kepada negara dan manakala aliran *deepening* pula berhujah bahawa *reference object* boleh merujuk kepada regional, global, masyarakat, manusia ataupun individu. Dalam kajian ini, pengkaji lebih menumpukan kepada kem *deepeners* dan melihat keselamatan *societal* sebagai satu konsep keselamatan yang sama seperti konsep keselamatan nasional. Seterusnya, konsep ini akan memperlihatkan bagaimana keselamatan *societal* (masyarakat) boleh terancam oleh negara, ekonomi, politik, alam sekitar mahupun *societal* itu sendiri.

Dalam kajian ini, dengan menggunakan isu kalimah Allah pengkaji akan mengaplikasikan konsep keselamatan *societal* untuk menjelaskan fenomena persaingan di antara masyarakat Islam dan Kristian isu kalimah Allah. Keselamatan *societal* pada asasnya merujuk kepada usaha untuk mempertahankan identiti masyarakat daripada ancaman yang wujud (Waever, 1993). Selanjutnya, keselamatan *societal* juga boleh terancam apabila identiti kolektif sesebuah masyarakat tergugat oleh pelbagai bentuk ancaman (Roe, 2005). Kelangsungan identiti sesebuah kumpulan masyarakat boleh terancam sama ada datang dari negara, ekonomi, politik mahupun *societal* itu sendiri.

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mempunyai komposisi pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India dan sebagainya. Oleh itu, tidak dinafikan juga

Malaysia sering berhadapan dengan pelbagai isu keselamatan seperti ancaman komunis, kedudukan geo-strategik negara di Asia Tenggara, ancaman lanun dan sebagainya. Kamarulnizam (2012) dalam hal ini berhujah bahawa evolusi pembinaan masyarakat di Malaysia merupakan antara aspek terpenting dalam memahami sejarah ancaman dan evolusi keselamatan negara. Hakikatnya, walaupun mengalami pelbagai bentuk ancaman utama terutamanya ancaman terhadap keselamatan nasional, namun dalam masa yang sama Malaysia juga turut mengalami ancaman '*Societal Security*' lanjutan daripada kepelbagaian kaum yang terdapat di negara ini, misalnya isu kalimah Allah, isu bahasa, isu etnik, dan sebagainya.

Isu Kalimah Allah di Malaysia mula muncul sebagai satu isu keselamatan pada tahun 2009 apabila penganut beragama Kristian mula menggunakan Kalimah Allah dalam penterjemahan kitab *Bible* mereka ke Bahasa Melayu. Dalam hal ini, penganut masyarakat Kristian mendakwa bahawa kalimah Allah tersebut adalah milik mereka dan mereka berhak untuk menggunakan kalimah Allah tersebut dalam penterjemahan kitab Bible mereka. Tindakan *The Herald* iaitu akhbar cetakan Mingguan Masyarakat Kristian telah menimbulkan kemarahan masyarakat Melayu Islam yang turut melibatkan beberapa orang individu berkepentingan seperti Datuk Ibrahim Ali, Tun Dr Mahathir, ahli agamawan, dan kumpulan NGO Islam seperti ISMA (Ikatan Muslimin Malaysia), PERKASA (Pertubuhan Pribumi Malaysia) dan sebagainya. Individu atau kumpulan tersebut bertindak sebagai *Societal Agent* mula menunjukkan kebimbangan mereka terhadap penggunaan kalimah Allah oleh masyarakat Kristian tersebut. Penggunaan istilah kalimah Allah oleh masyarakat Kristian secara meluas telah menimbulkan ancaman dan secara tidak langsung telah menyebabkan identiti orang Melayu-Islam turut berada dalam keadaan yang terganggu. Kebimbangan dan ketakutan masyarakat Melayu-Islam ini wujud kerana menurut mereka, kalimah Allah hanya boleh digunakan oleh masyarakat beragama Islam. Malah mereka juga mendakwa bahawa kalimah Allah ini adalah merupakan hak eksklusif penganut beragama Islam sahaja di mana penganut agama lain tidak boleh menggunakannya.

Selain itu, turut timbul pelbagai persoalan terhadap penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di dalam kitab Injil mereka. Adakah ianya seperti yang digunakan oleh penganut Islam dalam Kitab Al- Quran? Tambahan lagi, penganut

agama Kristian juga menyatakan bahawa kalimah Allah adalah merujuk kepada istilah tuhan mereka iaitu berasal terjemahan 'God' bahasa Inggeris dan menegaskan bahawa kalimah tersebut juga adalah berhak ke atas mereka (Mohd Aizam, 2008). Keadaan ini telah menimbulkan satu situasi yang dikenali sebagai dilema keselamatan *societal* (*societal security dilemma*), satu keadaan di tindakan sesebuah kumpulan dilihat sebagai satu bentuk ancaman oleh kumpulan masyarakat yang lain (Roe, 2005; Posen, 1993). Tindakan masyarakat Kristian dengan menggunakan kalimah Allah tersebut telah menyumbang kepada kebimbangan dalam kalangan masyarakat Melayu Islam mengenai ancaman terhadap kelangsungan identiti mereka. Rasa tidak selamat yang dialami oleh masyarakat Melayu Islam telah menyebabkan berlakunya demonstrasi dan juga isu ini telah dibawa ke Mahkamah secara langsung telah turut dilihat sebagai ancaman kepada masyarakat Kristian. Kebimbangan masyarakat Kristian ini dapat dilihat melalui tindakan mencabar keputusan mahkamah dengan menghantar memorandum serta mengadakan demonstrasi yang mana telah menambahkan lagi kesulitan isu ini. Oleh hal yang demikian, perbalahan mengenai isu kalimah ini telah menyebabkan berlakunya ancaman keselamatan *societal* yang mana identiti dilihat sebagai aspek yang penting untuk dilindungi. Malah, sesebuah masyarakat tersebut akan berusaha untuk memastikan keselamatan dan kelangsungan identiti mereka melalui pelbagai kaedah.

Oleh itu, kajian ini menggunakan konsep keselamatan *societal* berusaha untuk melihat persoalan identiti sebuah kumpulan masyarakat menjadi salah satu elemen dalam menganalisis kajian keselamatan. Justeru itu, dengan menggunakan isu kalimah Allah pengkaji akan menunjukkan bagaimana pentingnya konsep keselamatan *societal* dalam memahami isu kalimah Allah yang berkaitan dengan identiti masyarakat Islam dan juga Kristian. Kajian ini juga akan memperlihatkan beberapa respon di peringkat awal dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam dan masyarakat beragama Kristian terhadap isu tersebut. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk memahami kepentingan konsep keselamatan *societal* dalam disiplin kajian keselamatan terutamanya di Malaysia yang merupakan salah sebuah negara yang memiliki komposisi kaum yang pelbagai.

1.2 Sorotan Literatur

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah merujuk beberapa kajian lepas yang serupa sebagai panduan dalam memahami isu yang berkait dengan kajian yang dibuat. Kajian-kajian awal yang penting dalam memahami masalah ini adalah berkait dengan konsep keselamatan. Terdapat beberapa kajian yang telah dibuat mengenai perkembangan kajian keselamatan pasca perang Dingin. Antara kajian-kajian tersebut adalah seperti Buzan (1991 dan 1998), Waever (1993), Roe (1996, 2005 dan 2006), Bilgin (2003), McSweeny (1996, 1999), Huntington (1993), Krause dan Williams (1996), Adler (1997), dan sebagainya. Para sarjana tersebut membincangkan konsep keselamatan ini dengan lebih terperinci iaitu bagaimana konsep ini berkembang dan dapat diaplikasikan mengikut konteks masa semenjak berakhirnya perang Dingin dan pada masa kini.

Tema 1: Evolusi Kajian Keselamatan

Salah satu kajian yang menarik mengenai evolusi keselamatan adalah kajian yang dilakukan oleh Buzan dan Hansen (2009), dalam kajian tersebut mereka menumpukan kepada evolusi kajian keselamatan yang berlaku sejak era perang Dingin sehinggalah kepada era pasca perang Dingin. Selain itu, kajian-kajian seperti Krause dan Williams (1996 dan 1997), Krause (1998) merupakan antara kajian awal yang cuba melihat kepada perubahan dalam kajian keselamatan. Dalam hal ini, mereka menumpukan beberapa pendekatan, tidak hanya kepada satu perspektif dalam memahami kajian keselamatan. Malahan, kajian-kajian ini juga menumpukan kepada kepelbagaian dalam memahami persoalan keselamatan, namun teras utama dalam kajian ini adalah untuk melihat bagaimana pendekatan tradisional yang dibawa oleh realis tidak mampu menjelaskan beberapa isu yang penting yang berlaku di peringkat antarabangsa terutamanya pada pasca perang Dingin. Para pengkaji tersebut melihat bahawa kajian keselamatan perlu untuk dikaji semula dengan turut memasukkan elemen-elemen seperti, wanita, manusia, masyarakat, komuniti antarabangsa dan sebagainya.